



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM: MAGIS BELANTARA 2024 & MUSEUM UNITI TRAIL 2024

---

**KUALA LUMPUR**, 10 Ogos 2024 - YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis *Walkabout* Program Citra Nusa@Muzium: Magis Belantara & Museum Uniti Trail 2024 pada hari ini. Program ini dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Seni Kraf Orang Asli bertindak sebagai wadah perpaduan mengenengahkan kepelbagaian dalam sejarah, budaya dan warisan masyarakat di Malaysia.

Program Citra Nusa@Muzium: Magis Belantara 2024 telah berlangsung pada 10 dan 11 Ogos 2024 di Dataran Muzium Negara dan merupakan sebuah program yang berkonsepkan budaya yang dipentaskan (*stage culture*) yang menghimpunkan beberapa suku kaum masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Citra budaya ini akan dapat menyemarakkan lagi rasa muhibbah, menghormati silang budaya dan pemahaman secara nyata terhadap kepelbagaian khazanah budaya di Malaysia amnya dan juga keberadaan kelompok minoriti masyarakat Orang Asli khususnya.

Program ini turut menyisipkan aktiviti **Uniti Trail melibatkan penyertaan seramai 200 orang pelajar daripada Yayasan Sukarelawan Siswa** bagi memberi pendedahan kepada generasi muda untuk mengenali silang budaya antara masyarakat Orang Asli dengan lain-lain ras yang ada di Malaysia menerusi interaksi langsung peserta dengan masyarakat Orang Asli.

YBhg Datuk Azman turut berharap agar program ini menjadi **satu rangsangan kepada masyarakat setempat khususnya di Kuala Lumpur ini untuk terus menghayati erti sejarah dan ketamadunan seni masyarakat Orang Asli** melalui aktiviti yang dianjurkan. Penglibatan komuniti artisan Orang Asli melalui program seperti ini diharapkan dapat menyerlahkan hasrat kerajaan meningkatkan semangat muhibbah, toleransi dan sikap saling menghormati di antara satu sama lain.

Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya Sosio Budaya Orang Asli, Penyertaan Agensi & Bukan Kerajaan, Kesenian Cara Hidup dan Warisan Orang Asli, reruai jualan dan kontemporari seperti demonstrasi Gastronomika dan Eksotika Orang Asli, demonstrasi herba, ukiran patung dan topeng, pembuatan sumpit, permainan tradisional, persembahan kebudayaan Seri Kala (Temiar), Gentaq Balai (Temuan), Bah bola (Semai) dan tarian topeng Seri Panggung (Mah Meri). Ini sedikit sebanyak dapat menyemarakkan lagi konsep Faham, Hormat dan Terima dalam menerima pelbagai perbezaan dari segi agama dan budaya di Malaysia ini.

Program ini juga merupakan salah satu usaha pihak Kementerian bersama-sama Jabatan Muzium Malaysia yang bertindak sebagai '*bridge of knowledge*' (jambatan pengetahuan) dan ini bertepatan dengan hasrat untuk menjadikan muzium sebagai pusat rujukan rasmi dan platform institusi pembelajaran tidak formal di negara ini.

**Kementerian Perpaduan Negara**  
**10 Ogos 2024**